

19 MAR 2002
Parlimen-Bahas
PIHAK UNIVERSITI PERLU TEGAS DAN AWASI PELAJAR

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan hari ini mahu setiap pengurusan dan pentadbiran universiti di negara ini bertindak tegas dan mengawasi kegiatan para penuntutnya bagi memastikan mereka tidak terlibat dalam gejala tidak sihat termasuk politik.

Mastika Junaidah Husin (BN-Arau) berkata pengurusan dan pentadbiran universiti juga hendaklah mengambil tindakan tegas dan tidak membiarkan mana-mana parti politik mempengaruhi dan memperalatkan penuntut mereka untuk sebarang kegiatan politik.

"Selama ini apabila kita menyatakan parti pembangkang memperalatkan penuntut, mereka menafikan sekeras-kerasnya, tetapi dengan kuasa Allah s.w.t berkat kebenaran yang kita tegakkan selama ini, tupai yang megah meloncat-loncat dari satu dahan ke satu dahan jatuh ke tanah juga," katanya pada persidangan Dewan Rakyat semasa membahaskan usul terima kasih atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong.

Mengimbas kembali kejadian tujuh penuntut ditangkap kerana menyamar sebagai petugas Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Indera Kayangan, di Perlis pada Januari lepas, Junaidah berkata ia jelas membuktikan dakwaan penuntut diperalatkan parti politik tertentu.

Apa yang berlaku bukanlah satu sandiwara BN dan mahu supaya hasil siasatan terhadap dakwaan penuntut bahawa mereka diarahkan oleh pemimpin PAS untuk membantu dalam pilihan raya itu diumumkan.

"Saya bersimpati dengan penuntut-penuntut ini kerana terpengaruh dengan parti politik berkenaan," katanya.

Mastika berkata pembabitkan penuntut dalam kegiatan militan seperti yang didakwa oleh seorang bekas penuntut perempuan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ternyata benar apabila ketujuh-tujuh penuntut berkenaan berbohong, degil dan militan semasa disoalsiasat.

Tujuh penuntut berkenaan terdiri daripada tiga penuntut Universiti Sains Malaysia dan empat penuntut (UTM).

Sementara itu, seorang lagi penyokong kerajaan, Chang See Teng (BN-Gelang Patah) mahu pihak pentadbiran UTM memberikan penjelasan mengapa Dewan Sultan Iskandar hanya boleh digunakan untuk aktiviti akademik sahaja.

Tindakan pihak pentadbiran membatalkan Ekspo Kebudayaan sempena Tahun Baru Cina atas alasan dewan itu dikhususkan untuk aktiviti ilmiah adalah tidak tepat.

"Pada pendapat saya, kemudahan di institusi pengajian tinggi awam patut digunakan secara optimum demi mengelakkan pembaziran sumber," katanya.

Chang berkata beliau tidak nampak sebarang sebab munasabah kenapa dewan itu tidak boleh digunakan untuk kegiatan lain yang menjurus kepada manfaat masyarakat kampus apabila tidak ada kegiatan akademik dijadualkan di tempat yang sama pada masa yang sama.

Beliau melahirkan rasa bimbang tindakan pentadbiran UTM itu boleh membangkitkan sentimen anti-kerajaan di kalangan penuntut.

Ronald Kiandee (BN-Beluran) dalam perbahasannya meminta supaya Kementerian Pendidikan mengadakan satu usaha pemantauan terhadap kegiatan penuntut Malaysia di luar negara.

Usaha itu harus dilakukan dengan segera bagi membendung penglibatan mereka dalam kegiatan yang tidak diinginkan seperti yang berlaku terhadap sesetengah penuntut sekarang.

"Kita takut nanti bilangan mereka ini bertambah," dan menambah kata Malaysia akan kehilangan bukan saja pemimpin tetapi juga sumber manusia.

Sementara itu Jacob Dungau Sagan (BN-Baram) pula meminta kerajaan mengambil langkah segera membantu golongan etnik tertentu di Sabah dan Sarawak yang tercicir daripada arus pembangunan negara.

Tanpa bantuan kerajaan golongan etnik itu akan terus tersingkir dan akhirnya berlaku satu marginalisasi agihan kekayaan yang amat ketara antara penduduk negara.

"Mereka ini tercicir bukan kerana kerajaan melupakan mereka tetapi kerana mereka tidak dapat mengambil bahagian dan menggunakan peluang yang disediakan oleh kerajaan kerana tinggal terlalu jauh di pedalaman," katanya.

Beliau berkata walaupun kebanyakan mereka ini mempunyai harta fizikal seperti tanah yang luas malangnya mereka hidup miskin kerana tanah-tanah berkenaan tidak dapat dimajukan.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar menerusi agensi-agensinya seperti Felcra dan Felda boleh memainkan peranan dengan membangunkan tanah-tanah itu seperti yang dilakukan di Semenanjung.

Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam) dalam perbahasannya meminta supaya sebuah jawatankuasa khas dibentuk bagi membantu Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga melaksanakan dasar-dasar yang khusus berkaitan pembangunan wanita.

Ia kerana katanya, pelaksanaan yang dilakukan sekarang terlalu perlahan memandangkan Kementerian itu tidak mempunyai sumber manusia yang mencukupi.

Selain itu katanya kebanyakan yang terlibat dengan pelaksanaan dasar itu juga adalah mereka yang kurang mahir dengan isu-isu wanita menyebabkan dasar berkenaan gagal memenuhi matlamatnya.

Datuk Mohd Sarit Yusof (BN-Temerloh) pula berkata sudah tiba masanya bagi masyarakat antarabangsa mengkaji semula kuasa hegemoni Amerika Syarikat yang selama ini memberikan penekanan bahawa yang kuat sentiasa benar.

Masyarakat antarabangsa juga perlu menimbang semula teori perkongsian kuasa lebih-lebih dalam menangani isu kritikal seperti keganasan.

"Masyarakat antarabangsa seharusnya menyokong penuh saranan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) supaya Rusia memperkukuhkan kedudukannya menjadi kuasa pengimbang politik dunia," katanya.

Menyentuh tentang ekonomi, Mohd Sarit berkata ekonomi berdasarkan pengetahuan akan menjadi sumber pengembangan dan pertumbuhan ekonomi negara serta persaingan dalam jangka panjang ekonomi bagi Malaysia.

Malaysia hendaklah membangunkan industri yang berpotensi berasaskan pengetahuan dengan mempergiatkan penggunaan teknologi maklumat dan sektor swasta menjadi nadi penggerak di era ekonomi berdasarkan pengetahuan.

Madius bin Tangau (BN-Tuaran) pula mahu supaya pihak berkuasa menubuhkan suruhanjaya diraja untuk menyiasat kes kad pengenalan palsu yang berleluasa khususnya di Sabah.

Kes pemalsuan kad pengenalan oleh sindiket-sindiket begitu serius di Sabah dan pihak berkuasa yang sedia ada tidak dapat menangani masalah itu, katanya.

Beliau juga ingin tahu berapakah ramai warga asing yang telah memohon menjadi warganegara dan jumlah mereka yang telah mendapat kad pengenalan negara ini.

-- BERNAMA

HS HS PR